

Forum 'Seni Untuk Masyarakat dan Seni Untuk Seni' raih perkongsian ilmu

UB 4.11.2018 B1

KELAB Sastera Mahasiswa (KARMA) telah mengadakan forum yang bertajuk 'Seni Untuk Masyarakat dan Seni Untuk Seni' bertempat di blok seni Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program ini dipetik daripada Angkatan Sasterawan 50 yang telah ditubuhkan pada 6 Ogos 1950 di Singapura bertunjangkan prinsip Seni Untuk Masyarakat, yang diasaskan oleh beberapa orang tokoh antaranya, Muhammah Arrif

Ahmad (MAS), Kamaluddin Muhammad (Keris Mas) dan banyak lagi.

Tokoh-tokoh berkenaan menjadikan kesusasteraan sebagai alat protes sosial dan juga hal-hal berkaitan dengan politik, bersifat kemasyarakatan dan menggunakan sastera sebagai wadah disamping mengkritik kemunduran masyarakat dan orang-orang kita dianggap ejen yang bertanggungjawab untuk kelahiran kemunduran itu.

Forum yang menampilkan dua orang panel iaitu Adi HJ dan Sabir Syarifuddin,

bertujuan meraih perkongsian ilmu dalam kalangan masyarakat awam dan juga pelajar UMS untuk percambahan idea serta memantapkan lagi pemikiran mahasiswa.

Pensyarah FKSW, Prof. Madya. Dr Baharuddin menjelaskan, forum sebegini patut diadakan setiap minggu untuk membudayakan masyarakat yang boleh berfikir secara kritis di samping mengetahui lebih banyak lagi isu yang telah mahupun sedang berlaku di luar sana.

"Harapan saya adalah

supaya program seperti ini perlu giat dilakukan dan diketengahkan dalam kalangan pelajar," katanya ketika berkongsi pandangan pada program itu.

Antara perkara yang disentuh dan dipersoalkan dalam forum itu adalah berkaitan dengan apakah maksud perkataan "seni", dan sejauh manakah seni itu berfungsi kepada masyarakat.

Kedua-dua panel mengatakan bahawa seni itu sememangnya sangat banyak memberikan fungsi yang amat penting kepada



SEBAHAGIAN ahli Karma yang hadir mengabadikan gambar kenangan bersama Adi HJ (berdiri empat kanan) dan Sabir (berdiri empat kiri).

masyarakat. Contohnya, seni sebagai pendidikan

dan alat propaganda untuk memberikan kesedaran dan

teguran secara halus bukan untuk alat penindasan.